

Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing

MEF minta segera perluas program ke semua sektor

Kuala Lumpur: Kerajaan mesti segera memperluas pelaksanaan Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing (PKPPA) kepada semua sektor dan subsektor pekerjaan, tanpa menunggu tempoh tiga bulan, selepas pelaksanaannya.

Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman, berkata langkah itu jika dilaksana membolehkan majikan di negara ini segera mengoptimum perniagaan mereka.

"Selain itu, ia dapat membantu kerajaan mencapai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang dianggarkan tiga hingga empat peratus tahun ini.

"Kerajaan juga diharap segera memperluas Program PKPPA kepada semua sektor dan subsektor pekerjaan dan tidak dihadkan kepada perkila-

ngan, pembinaan, perladangan, pertanian dan perkhidmatan (membabitkan restoran sahaja)," katanya.

Syed Hussain berkata, sektor dan subsektor di luar daripada lima yang terangkum dalam PKPPA juga mengalami kekurangan sumber manusia yang meruncing, terutama pekerja asing.

"Sektor seperti peruncitan borong, perhotelan dan pembersihan juga mengalami kekurangan pekerja yang meruncing serta menjejaskan taraf perkhidmatan mereka.

"Contohnya, majikan perhotelan ketika ini berdepan banyak aduan mengenai kelewatan perkhidmatan dan keupayaan mereka menyiapkan bilik untuk tetamu," katanya.

Beliau berkata, sebelum ini tetamu boleh mendaftar masuk dengan cepat, namun kini ke-

banyakannya mendapat bilik agak lewat sehingga jam 3 hingga 4 petang.

"Keadaan ini menyulitkan pelanggan, terutama apabila pintu negara sudah dibuka sepenuhnya untuk pengunjung dari semua negara luar.

"MEF begitu menyambut baik dan berterima kasih kepada kerajaan atas kesediaan mengkaji semula keperluan untuk memperluas kelulusan

penggajian pekerja asing bagi sektor dan subsektor kritikal lain selepas tiga bulan pelaksanaan PKPPA," katanya.

Kaji perluas kelulusan

Sebelum ini, Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar, berkata kerajaan akan mengkaji keperluan untuk memperluas kelulusan penggajian pekerja asing bagi sektor dan subsektor kritikal lain, selepas tiga

bulan pelaksanaan program PKPPA.

"Lima sektor dan subsektor kritikal yang terbabit ketika ini ialah perkilangan, pembinaan, perladangan, pertanian dan perkhidmatan (membabitkan restoran sahaja).

"Buat masa ini Kementerian Sumber Manusia bersama Kementerian Dalam Negeri telah membuat keputusan untuk membawa masuk pekerja asing bagi lima sektor kritikal ini yang betul-betul memerlukan tenaga kerja yang banyak. Jadi buat masa ini keputusannya adalah untuk membantu lima sektor ini dahulu," katanya.

Beliau berkata, selepas tiga bulan apabila dapat menyelesaikan masalah kekurangan pekerja asing bagi sektor dan subsektor kritikal, kita akan mempertimbang kepada sektor peruncitan dan lain-lain.

Sektor seperti peruncitan borong, perhotelan dan pembersihan juga mengalami kekurangan pekerja yang meruncing serta menjejaskan taraf perkhidmatan mereka



Syed Hussain Syed Husman,
Presiden MEF